

SOALAN NO: 16

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]
TARIKH : ISNIN, 23 OKTOBER 2017
RUJUKAN : L1 [PR-1353-L03578]
SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah kos pembinaan Kolam Biru di kawasan Masjid Jamek dan kos 'landscaping' untuk mengindahkan kawasan tebing sungai di kawasan Masjid Jamek ke Pasar Seni.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Serdang, Projek *EPP5 : River of Life (RoL)* di bawah *NKEA Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley* dilaksanakan bagi mentransformasikan Sungai Gombak dan Sungai Klang kepada ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi. Objektif utama projek *RoL* adalah:

- i) Meningkatkan kualiti air dari kelas V ke kelas II B bagi 10.7 km di sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak menjelang tahun 2020;
- ii) Meningkatkan aktiviti ekonomi dan kualiti hidup rakyat dengan merubah wajah koridor Sungai Klang dan Sungai Gombak menjadi kawasan yang ceria, berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi; dan
- iii) Membangunkan tanah-tanah Kerajaan yang berpotensi di sekitar lokasi projek *RoL*.

Projek *RoL* ini dilaksanakan secara berperingkat bermula dari Tahun 2011 yang terdiri daripada 3 komponen utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah. Secara keseluruhannya, status pelaksanaan Projek *RoL* telah mencatat kemajuan sebanyak 76% dan dijangka siap pada Tahun 2020.

Tuan Yang di-pertua,

Kos keseluruhan Projek Kolam Biru di kawasan pertembungan Sungai Klang dan Sungai Gombak adalah berjumlah RM79 juta dan kos Pengindahan Sungai Fasa 1 bagi Presint 7 dari St. Mary's Cathedral hingga ke Pasar Seni sepanjang 2.1km adalah RM130 juta.

Projek Kolam Biru adalah pelengkap kepada Projek *RoL*, Presint 7 dan memberikan pemandangan menarik gabungan bangunan warisan dengan bangunan moden Bandaraya Kuala Lumpur di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Klang.

Projek ini telah mewujudkan 1 ikon baharu tarikan pelancong di Bandaraya Kuala Lumpur.

Kementerian sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dengan mengadakan pemantauan secara berkala dan memastikan peruntukan dibelanjakan mengikut kos siling yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, pihak Kementerian telah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) sebagai sasaran yang perlu dicapai oleh Agensi Pelaksana.

SOALAN (17)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 23 OKTOBER 2017
[ISNIN]
DARIPADA : YB DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

SOALAN :

YB DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah atau inisiatif seterusnya yang akan diambil pihak Kerajaan dalam memperkukuh pembangunan modal insan di negara ini setelah menyaksikan Malaysia kini tersenarai di tangga kedua terbaik Asia Tenggara dan ke-33 dunia dalam Pembangunan Modal Insan oleh World Economic Forum.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Modal Insan Global 2017 oleh World Economic Forum, Malaysia berada di tangga ke-33 daripada 130 negara dalam membangunkan modal insan yang diukur melalui empat tema utama iaitu Kapasiti (*Capacity*), Penempatan (*Deployment*), Pembangunan (*Development*) dan *Know-how*. Daripada skor yang diperolehi, Malaysia kekurangan dalam skor penempatan modal insan yang meliputi kadar penyertaan tenaga buruh, jurang guna tenaga lelaki dan wanita, pengangguran dan *underemployment*.

Dalam hal ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memberi tumpuan kepada pengukuhan pasaran buruh melalui rangka kerja dalam Rancangan Malaysia Kesebelah (RMKe-11). Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan adalah:

Menambah baik maklumat pasaran buruh. Lebih banyak maklumat berdasarkan permintaan dikumpulkan daripada industri. Kementerian

Sumber Manusia (KSM) telah menerajui inisiatif untuk membangunkan sebuah gudang data pasaran buruh yang komprehensif terdiri daripada data berasaskan isi rumah, pertubuhan dan pentadbiran. Jabatan Perangkaan dan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) akan meningkatkan usaha untuk mengumpul data pasaran buruh berasaskan pertubuhan yang komprehensif. Dalam tempoh RMKe-11, gudang data ini akan terus dipertingkatkan untuk menyokong dalam penggubalan dasar dan membuat keputusan serta memudahkan pemadanan permintaan dan penawaran dalam pasaran buruh. Pangkalan data ini akan membolehkan analisis yang lebih baik dilaksanakan mengenai keperluan kemahiran baharu oleh industri dan mengunjurkan penawaran dan permintaan tenaga kerja dalam menyelesaikan isu penempatan pekerjaan.

Melaksanakan inisiatif untuk meminimumkan ketidakpadanan dalam pasaran buruh melalui penubuhan Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) untuk mewujudkan kerjasama dan perkongsian maklumat yang lebih baik antara Kerajaan, industri dan IPT. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai platform untuk mendapatkan pandangan industri berkaitan kedinamikan pasaran buruh untuk membolehkan IPT dan institusi latihan mengubahsuai program dan pendekatan latihan dan

pendidikan supaya selari dengan permintaan industri. Pihak industri akan digalakkan untuk mendaftar dan mengambil bahagian secara aktif dalam JKI.

Di samping itu, beberapa inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah digariskan untuk membantu mengurangkan ketidakpadanan dalam pasaran buruh seperti Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) dan Academia-Industry Graduate Development Centre (AIGDC) bagi membuka peluang dan kerjasama di antara pihak akademik dan industri. Pengajaran yang diperoleh daripada kerjasama ini akan digunakan untuk membangunkan kurikulum yang relevan dengan keperluan industri. Pada masa ini, terdapat 10 ICoE di empat IPT yang menumpukan kepada beberapa subsektor strategik seperti automotif, bioteknologi dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Tambahan lagi, inisiatif di bawah Lonjakan 1 (Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang) dan Lonjakan 7 (Ekosistem Inovasi) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) turut menggariskan pelaksanaan program 2u2i iaitu program pembelajaran bersasaskan pekerjaan yang memberi pendedahan industri kepada pelajar di sepanjang pengajian mereka dan *Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA)* atau Pentaksiran

Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu iaitu satu sistem penggredan bersepadu untuk menilai dan melaporkan prestasi akademik pelajar serta kemahiran profesional yang diperoleh sepanjang pengajian mereka di universiti.

Kerajaan turut mengambil pendekatan baharu untuk menentukan jurang kemahiran dalam pasaran buruh dengan penubuhan Jawatankuasa Kemahiran Kritikal yang dipengerusikan bersama oleh Talent Corporation dan ILMIA. Jawatankuasa ini akan membentangkan secara berkala mengenai situasi pasaran buruh semasa dan kekurangan kemahiran kritikal kepada JKI dan Majlis Pembangunan Modal Insan Negara (MPMIN). Maklumat daripada Jawatankuasa ini akan menjadi input kepada institusi pendidikan dan latihan untuk mengeluarkan modal insan yang bersesuaian dengan keperluan industri.

Di samping itu, untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah, program *bridging* akan diperluas dengan kerjasama pihak industri. Pada masa yang sama, program peningkatan dan mempelbagaikan kemahiran untuk tenaga kerja akan dipergiat untuk memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat terhadap pekerja berkemahiran tinggi.

Pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program untuk menangani masalah pengangguran belia. Walaupun kadar pengangguran dalam kalangan belia di Malaysia adalah lebih rendah berbanding dengan purata ASEAN dan dunia, Kerajaan akan memastikan belia mendapat akses kepada peluang latihan sebelum menyertai pasaran buruh. Belia yang telah menyertai pasaran buruh juga akan diberikan peluang latihan kemahiran semula bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran yang sesuai dan lebih tinggi yang membolehkan mereka menerima upah yang lebih baik. Usaha bagi menyediakan latihan dan penempatan pekerjaan akan dipergiat menerusi pelbagai program untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran (*employability*) atau keupayaan graduan/lepasan institusi pengajian tinggi untuk mendapat pekerjaan seperti Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), Skim Kemahiran dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan 1Malaysia Skills Training and Enhancement for the Rakyat (1MASTER).

Dalam tempoh RMKe-11, Kerajaan terus menerus untuk meningkatkan pelaksanaan pendekatan pasaran buruh aktif bagi golongan belia. Di bawah pendekatan ini, program jangkauan akan dilaksanakan bagi mengenal pasti belia yang menganggur untuk diberikan latihan dan seterusnya dipadankan dengan peluang pekerjaan. Belia berumur 15-17

tahun akan digalakkan mendapat pendidikan pada tahap SPM dan melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar termasuk dalam aliran TVET sebelum menyertai pasaran buruh. Kaunseling kerjaya di sekolah akan dipergiat dan sektor swasta akan digalakkan untuk menyertai pameran kerjaya. Kerajaan juga akan menggalakkan pelajar untuk mendaftar dengan JobsMalaysia bagi mendapat kaunseling kerjaya.

Kerajaan turut melaksanakan program dan inisiatif untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh untuk mengurangkan jurang antara lelaki dan wanita. Lebih banyak inisiatif dan program mesra keluarga akan dirangka dan dilaksanakan dalam meningkatkan peratusan penyertaan wanita dalam pasaran buruh kepada 59% menjelang tahun 2020. Pendekatan ini termasuk menyediakan akses yang lebih baik kepada kemudahan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, persekitaran kerja yang kondusif, waktu bekerja fleksibel, pilihan untuk bekerja dari rumah dan peluang mendapat semula pekerjaan yang setaraf. Dalam hal ini, rangka kerja konsep dan garis panduan mengenai aturan waktu kerja yang fleksibel akan dibangunkan. Majikan akan digalakkan untuk menyediakan waktu kerja fleksibel dan pilihan untuk bekerja dari rumah.

Kerajaan turut menggiatkan usaha untuk menambah baik akses kepada pekerjaan melalui program 1Malaysia Support for Housewives dan Flexiworklife. Wanita juga akan digalakkan untuk menjadi usahawan melalui program seperti Azam Niaga, Women Entrepreneurial Incubator dan 1Nita.

Sekian, terima kasih.

23 Oktober 2017